

**Najib Umum Bonus Khas RM1,000 Kepada Kakitangan PNMB
Bernama
5 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Isnin meluluskan bonus khas RM1,000 kepada kakitangan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) melalui pembayaran 'one-off' sempena Aidilfitri.

Beliau berkata pemberian bonus itu adalah sebagai menghargai kerja keras kakitangan PNMB terutamanya dalam mencetak kertas-kertas undi dan 'senarai daftar pemilih' bagi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), Mei lepas.

"Saya dimaklumkan bahawa pihak pengurusan ada memohon kelulusan khas (daripada) Kementerian Kewangan memandangkan bahawa kakitangan PNMB telah bekerja secara luar biasa mencetak kertas-kertas undi dan 'electoral list' pilihan raya, sehingga pihak pembangkang tidak dapat membawa sebarang bukti terhadap dakwaan penyelewengan yang berlaku dalam pilihan raya baru-baru ini.

"Walaupun mendakwa macam-macam perkara tapi bila disuruh bawa bukti (ke mahkamah) tidak ada bukti pun, setiap satu kes (petisyen pilihan raya) telah ditolak oleh mahkamah.

"Ini menunjukkan bahawa dakwaan mereka (pembangkang) itu tidak benar, al-Quran benar, dakwaan pembangkang tidak benar," katanya dalam ucapan pelancaran Pusat Percetakan al-Quran Mushaf Malaysia di ibu pejabat PNMB, Jalan Chan Sow Lin di ibu negara.

Najib berharap penghargaan itu akan memberi rangsangan kepada kakitangan PNMB untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh dan terus setia kepada syarikat.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968494>